

# Universiti pertanian swasta perlu kelainan

Oeh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ **KUALA LUMPUR 27 NOV.**

**U**NIVERSITI pertanian swasta pertama yang ingin dibina mulai tahun depan perlu mempunyai kelainan dalam pelbagai segi supaya tidak bertindihan dengan institusi sedia ada.

Pensyarah Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. P. Sivamurugan (**gambar**) berkata, perincian terhadap keistimewaan universiti itu harus dibincangkan terlebih dahulu dengan institusi lain supaya boleh menjadi pelengkap kepada bidang pertanian negara.

“Kita sudah ada Universiti Putra Malaysia (UPM), institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta yang menawarkan bidang tersebut, jadi sesuatu yang lain dan istimewa perlu ada pada universiti pertanian swasta berkeenaan.

“Contohnya dalam bidang yang diterokai. Pastikan bidang yang ditawarkan di universiti tersebut tidak bertindih dengan yang lain dan ini akan mewujudkan persaingan sihat antara institusi-institusi ini,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas kenyataan



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa sebuah universiti pertanian swasta pertama yang akan dinamakan Agro Industri Universiti.

Bagi **Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak**, beliau melihat

penubuhan universiti itu sebagai sesuatu yang positif.

“Penubuhan itu mampu meningkatkan lagi penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian, malah boleh melahirkan lebih ramai usahawan tani di Malaysia,” katanya.